

Malaysia tidak akan hadapi kemelesetan

BH 17 JUL 2001

Oleh Abdul Halim Yusoff

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menolak kemungkinan Malaysia akan terjerumus ke kancah kemelesetan seperti yang dialami Singapura kerana struktur ekonomi negara yang lebih pelbagai.

Katanya, berbanding Singapura, ekonomi Malaysia lebih pelbagai dan tidak hanya bergantung kepada sektor elektronik seperti negara jiran itu.

Dr Mahathir yang juga menteri kewangan berkata, Malaysia mempunyai minyak sawit, syarikat perkhidmatan, pembuatan dan pelbagai syarikat dalam bidang lain. "Jadi, Malaysia tidak akan terjejas te-

Ekonomi Malaysia lebih pelbagai berbanding Singapura yang hanya bergantung kepada sektor elektronik

ruk seperti Singapura berikutan kemelesetan dalam sektor elektronik.

"Melainkan sesuatu malapetaka berlaku, setakat ini angka-angka tidak menunjukkan kita akan mengalami kemelesetan.

"Kita berbeza dari Singapura," katanya selepas memberikan ucapan tama perasmian Forum Tenaga Elektrik Malaysia, di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata demikian selepas ditanya mengenai pengumuman Singapura

minggu lalu bahawa di ambang kemelesetan berikutan penurunan dalam ekonomi utama dan serantau serta kejatuhan industri elektronik global mengheret turun Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Singapura dalam suku kedua dengan penguncupan kira-kira 0.8 peratus tahun-atas-tahun.

Pertumbuhan negatif bagi dua suku berturut-turut bermakna sesebuah negara mengalami kemelesetan.

Malaysia mencatatkan per-

tumbuhan 3.2 peratus bagi suku pertama 2001.

Sementara itu, ditanya mengenai sejauh mana defisit belanjawan negara tahun depan, Perdana Menteri berkata beliau tidak menjangka Belanjawan 2002 akan mengalami defisit besar.

"Kerajaan mempunyai wang dan menjangka mengutip banyak hasil daripada cukai korporat dan cukai pendapatan. Banyak syarikat kebelakangan ini me-

laporkan keuntungan yang tinggi meskipun beroperasi dalam penyederhanaan ekonomi.

"Jadi, walaupun kita mengurangkan duti import, kita masih mempunyai dana yang mencukupi," katanya.

Sementara itu, Gabenor Bank Negara Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, berkata defisit belanjawan 2002 dijangka tidak lebih daripada 5-6 peratus Keluaran Negara Kasar (KNK).

Katanya, kerajaan sentia-

sa berhemat menguruskan perbelanjaannya. Pada ketika ini pakej rangsangan fiskal yang diumumkan kerajaan adalah elemen penting untuk menghalang negara daripada memasuki kemelesetan.

"Namun, sudah tentu ada had yang boleh diambil oleh pakej rangsangan fiskal yang sangat penting itu yang mana kami tidak mahu paras defisit belanjawan yang tinggi," kata beliau lagi.